



## **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) PROGRAM IJAZAH LANJUTAN (PIL) TAHUN 2024**

### **1. Apakah itu Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024?**

Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024 merupakan program penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) kepada pelajar cemerlang lepasan Ijazah Pertama tajaan JPA untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dalam pelbagai bidang di universiti yang telah dikenal pasti oleh Jabatan ini. Program ini dilaksanakan sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan pelajar tajaan JPA dengan memastikan peluang yang lebih luas diberikan melalui penajaan JPA selaras dengan agenda memperkasa negara melalui pulangan pelaburan berdasarkan modal insan cemerlang.

### **2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024?**

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut ;

#### **2.1.1 Syarat Umum Calon**

- 1) Warganegara Malaysia berumur **tidak lebih 26 tahun pada tahun permohonan**;
- 2) Pelajar merupakan pelajar tajaan JPA semasa peringkat Ijazah Pertama;

- 3) Pelajar yang layak memohon adalah pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama pada tahun 2023 dan 2024 hingga tarikh tutup permohonan. Ia bertujuan untuk memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan tempat pengajian pada peringkat Sarjana;
- 4) Pelajar telah mendapat tawaran bersyarat / tanpa syarat daripada universiti dan mengikuti pengajian secara sepenuh masa;
- 5) Pelajar yang telah memulakan pengajian perlu mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya 9 bulan;
- 6) Mempunyai kesihatan yang baik iaitu bebas daripada sebarang penyakit kronik serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian (senarai penyakit kronik di LAMPIRAN 3);
- 7) Ibu dan / atau bapa tidak di senarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- 8) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama;
- 9) Pelajar mestilah telah menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dan tidak pernah membuat sebarang pelanjutan bagi pengajian semasa di peringkat Ijazah Pertama;
- 10) Pelajar semasa memohon dan sepanjang tempoh penajaan mestilah tidak terikat dengan kontrak perkhidmatan sama ada secara tetap atau kontrak atau sambilan di agensi awam termasuk badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana agensi swasta supaya pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam melaksanakan tugasnya sebagai seorang pelajar. Obligasi ikatan kontrak berkhidmat bagi penajaan JPA yang diterima terdahulu hendaklah diuruskan sewajarnya berdasarkan dasar-dasar penajaan yang berkuat kuasa;
- 11) Program Ijazah Sarjana yang dimohon bukanlah program yang dinilai taraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam. Sebagai contoh, Kerajaan telah menetapkan bahawa kelayakan Master of Engineering (M.Eng) dari universiti-universiti di United Kingdom

hanya layak digunakan untuk tujuan pelantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau RIBA Part II bagi pengajian seni bina yang mana ia hanya diiktiraf setaraf Ijazah Sarjana Muda Seni Bina sahaja;

- 12) Pelajar perlu memulakan pengajian sebelum atau pada 31 Disember 2024; dan
- 13) Bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat lanjutan/ yang lebih tinggi, pelajar tajaan biasiswa perlu memohon penggantungan kontrak berkhidmat manakala pelajar tajaan Pinjaman Boleh Ubah perlu memohon penangguhan bayaran balik pinjaman. Tempoh penggantungan kontrak/ penangguhan bayaran balik pinjaman yang akan dipertimbangkan adalah mengikut tempoh asal pengajian.

### **2.1.2 Syarat Khusus Calon**

Kelayakan minimum akademik permohonan adalah seperti berikut:

- Memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.50 atau setara pada pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam Negara atau luar Negara; atau
- Bagi negara United Kingdom, Australia, New Zealand dan Jepun, kelayakan akademik minimum di peringkat Ijazah Pertama adalah seperti berikut:

<b>UNITED KINGDOM</b>	<b>AUSTRALIA / NEW ZEALAND</b>	<b>JEPUN</b>
70% & ke atas	85% & ke atas	85% A+B (50%A)*

\*85% A+B – Jumlah gred A dan B yang diperoleh adalah sekurang-kurangnya 85% dan 50% daripada jumlah tersebut perlu mendapat gred A.

**3. Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024?**

Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman portal penajaan JPA di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/>. Calon boleh merujuk syarat permohonan, maklumat program dan Frequently Asked Questions (FAQ) yang dimuat naik bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

Permohonan dibuka secara dalam talian di portal penajaan JPA <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/> mengikut tarikh dan tempoh yang ditetapkan oleh JPA.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.

Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak Slip Pengesahan Permohonan Program Ijazah Lanjutan Tahun 2024 sebagai bukti permohonan telah dibuat. Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/>.

**4. Apakah nombor atau saluran yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?**

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8885 3297 pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang atau e-melkan kepada pil2024@jpa.gov.my (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

## **5. Apakah mekanisme Penguatkuasaan Perjanjian Pinjaman Boleh Ubah?**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- Pinjaman akan ditukar kepada biasiswa dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat milik Kerajaan (GLC); atau
- Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

## **6. Bilakah tarikh tutup permohonan Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024?**

Tarikh tutup permohonan adalah pada 7 April 2024 (Ahad) jam 11.59 malam. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## **7. Bilakah tarikh keputusan permohonan program ini akan dimaklumkan?**

Tarikh-tarikh penting bagi Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024 adalah seperti berikut :

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	<b>29 Februari 2024 (Khamis)   10.00 pagi</b>
Permohonan ditutup	<b>7 April 2024 (Ahad)   11.59 malam</b>
<i>Student Assessment Centre (SAC)</i>	<b>Minggu keempat April 2024*</b>
Jangkaan Keputusan	<b>Minggu keempat Mei 2024*</b>

\*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

**8. Saya sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan. Adakah saya akan ditawarkan penajaan secara automatik?**

Bidang perubatan, pergigian dan farmasi adalah bidang yang **tidak ditaja** di bawah Program ini.

**9. Saya telah menerima tawaran penajaan JPA, tetapi pada masa yang sama telah mendapat pinjaman PTPTN, apakah yang perlu saya buat?**

Jika pelajar memilih untuk menerima tawaran penajaan JPA, pelajar perlu menamatkan kemudahan pinjaman PTPTN atau penaja-penaja lain.

**10. Adakah pihak JPA membenarkan saya menukar universiti tanpa membatalkan penajaan saya?**

Pihak JPA tidak membenarkan pelajar tajaannya membuat pertukaran universiti tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak JPA terlebih dahulu. Jika pelajar berbuat demikian, penajaan pelajar boleh ditamatkan.

**11. Bolehkah saya bertukar kursus atau bidang atau universiti selepas mengikuti pengajian dan menerima basiswa JPA?**

Sebarang pertukaran kursus tidak dibenarkan melainkan atas sebab-sebab yang kukuh dan munasabah. Sebarang permohonan pertukaran kursus atau bidang hendaklah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan. Sekiranya mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut, maka penajaan ke atas pelajar akan diteruskan untuk kursus yang baharu. Namun, jika sebaliknya, penajaan ke atas pelajar mungkin akan ditamatkan.

Sekiranya pelajar tajaan ingin menukar kursus, sila kemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan ini dan memaklumkan sebab-sebab ingin bertukar kursus.

**12. Bolehkah saya bertukar penaja sekiranya saya ditawarkan oleh penaja lain setelah saya menerima penajaan JPA?**

Pelajar tajaan JPA tidak dibenarkan sama sekali menerima tajaan lebih daripada satu penaja. Jika pelajar ingin menukar penaja lain, sila kemukakan permohonan rasmi ke Jabatan ini.

**13. Saya telah mendapat tajaan JPA semasa di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ingin menyambung ke peringkat Sarjana. Adakah saya perlu memohon semula untuk mendapatkan penajaan di peringkat Sarjana?**

Ya. Pelajar perlu memohon semula penajaan JPA untuk pengajian di peringkat Sarjana.

**14. Apakah bidang yang ditaja oleh JPA?**

BIL.	BIDANG PENGAJIAN DI BAWAH PIL 2024
1.	Science, Technology; Engineering and Mathematics (STEM)
2.	Ekonomi
3.	Undang-Undang
4.	Kewangan Islam
5.	Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)
6.	Peralihan Tenaga
7.	Keselamatan dan Persempadanan Negara
8.	Keterjaminan Makanan
9.	Pengurusan Bencana
10.	Keselamatan Siber
11.	Transformasi Digital

Bidang pengajian perubatan, pergigian, farmasi, pendidikan, kejururawatan, kursus yang mewajibkan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan kursus profesional seperti ACCA dan Certificate in Legal Practice (CLP) adalah tidak ditaja.

**15. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA akan diberikan pekerjaan di sektor awam secara automatik selepas menamatkan pengajian?**

Tidak. Pelajar perlu memohon sendiri dengan pihak berkuasa melantik bagi tujuan tersebut.

**16. Sekiranya saya tidak dipanggil ke program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?**

Tidak. Hanya calon yang melepassi syarat sahaja akan dipanggil ke program SAC.

**17. Bilakan tarikh tutup permohonan Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024?**

Tarikh tutup permohonan adalah pada 7 April 2024 (Ahad) jam 11.59 malam. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**18. Bilakah keputusan permohonan diumumkan?**

Keputusan permohonan penajaan Program Ijazah Lanjutan (PIL) Tahun 2024 ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/> pada minggu keempat bulan Mei 2024.

**-TAMAT-**